

# Komanwel tentukan pemerhati

21 1990

Oleh MAHFAR ALI

ALOR STAR, Isnin — Kerajaan tidak akan terbabit dalam pemilihan anggota pemerhati dari negara Komanwel untuk meneliti perjalan-pilihanraya umum yang akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata urusan pemilihan, termasuk bilangan anggota pemerhati terbabit, akan diputuskan oleh Sekretariat Komanwel.

"Kalau saya pilih, nanti ada yang kata pemerhati itu memihak kepada saya. Begitu juga kalau parti pembangkang yang memilih tentu ia menyebelahi satu pihak.

"Orang yang hendak dipilih mesti tidak menyebelahi mana-mana pihak," tegasnya mengulas saranan Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah, yang mahu undangan ke atas pemerhati itu dibuat atas nama parti politik dan bukan kerajaan.

Semalam, Tengku Razaleigh berkata, jempukan itu juga hendaklah meliputi negara yang mengamalkan demokrasi serta menganggotai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, selain membenarkan jawatankuasa Pemerhati Pilihanraya yang ditubuhkan oleh Tun Suffian Hashim membantu wakil negara berkenaan.

Sambil mempersoalkan kenyataan Tengku Razaleigh, Perdana Menteri menegaskan, pemilihan pemerhati bebas dari luar bukan sama seperti kumpulan pemerhati pilihanraya yang dibentuk oleh pembangkang.

"Seluruh dunia tahu pemerhati pilihanraya itu berat sebelah dan selalu mengkritik kerajaan," katanya kepada pemberita di majlis ramah terbuka sempena Hari Raya Haji di kediamannya di Titi Gajah dekat sini, hari ini.

Menurutnya, orang seperti Tun Suffian tidak mungkin dapat dipercayai kerana beliau bukan saja berat sebelah, malah memburuk-burukkan kerajaan di seluruh dunia.

"Aliran dan Tan Sri Ahmad Nordin juga dikenali sebagai antikerajaan. Macam mana mereka hendak membantu," katanya.

Perdana Menteri berkata, pembangkang tidak seharusnya memberi pelbagai alasan apabila tidak mahu menerima kehadiran pemerhati dari luar.

Menjawab soalan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau akan menulis surat meminta Sekretariat Komanwel memilih anggota pemerhati itu selepas mendapat maklum balas semua pihak dalam negara, termasuk pendapat parti pembangkang.

"Kita akan memberi pemerhati terbabit notis yang secukupnya dan mereka akan ada di negara ini apabila kempen pilihanraya bermula," katanya.

Perdana Menteri berkata, pada umumnya pemerhati itu bertanggungjawab menentukan pilihanraya umum negara yang akan datang berjalan dengan baik serta ditadbirkan dengan adil dan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

"Mereka juga akan memastikan orang yang berhak mengundi tidak menerima tekanan, halangan atau gangguan sewaktu pengundian dijalankan," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, pemerhati itu bebas untuk ke mana-mana asalkan lawatannya ke tempat tertentu mempunyai kaitan dengan pilihanraya.

"Mereka boleh melihat daftar penyemakan pilihanraya, menyaksikan orang mengundi dan berkempen," katanya.

Menurutnya, kerajaan tidak mempunyai sebab untuk berasa bimbang kerana negara ini tidak menggunakan askar untuk memaksa rakyat mengundi.

"Kita juga akan menerima parti yang menang dan jika tidak berpuas hati akan merujuknya ke mahkamah," katanya.